

12/08/2003

KL-Algiers jalin kerjasama ICT

Mior Kamarul Shahid

ALGIERS: Malaysia dan Algeria sepakat memperkukuhkan hubungan kerjasama dalam bidang perdagangan dan ekonomi supaya selari dengan hubungan politik sebagaimana dibuktikan menerusi pembabitan kedua-dua negara dalam pelbagai pertubuhan antarabangsa.

Ini dicapai dalam rundingan tiga jam antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Algeria, Abdelaziz Bouteflika di sini, semalam.

Berikutan itu, Malaysia tidak keberatan menghulurkan sebarang bantuan yang diperlukan negara itu bagi menjalin hubungan yang lebih kukuh.

Satu perjanjian perdagangan dan Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama dalam bidang maklumat dan teknologi komunikasi (ICT) sudah ditanda tangani sebaik saja rundingan kedua-dua pemimpin selesai.

Antara lain kedua-dua negara akan berusaha mewujudkan kerjasama bagi meningkatkan hubungan perdagangan di samping memberi tunjuk ajar kepada Algeria dalam bidang ICT.

Perjanjian itu membuka ruang kerjasama lebih luas untuk meningkat dan memudahkan hubungan perdagangan kedua-dua negara.

Majlis menandatangani perjanjian yang disaksikan kedua-dua pemimpin itu dilakukan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Kanan Kementerian Luar Algeria, Abdelaziz Belkhaden.

Bercakap kepada wartawan Malaysia, Syed Hamid berkata, Dr Mahathir dan Bouteflika menegaskan, walaupun hubungan politik kedua-dua negara kukuh, namun ia tidak menggambarkan dari segi hubungan perdagangan dan ekonomi. Ini perlu diperbaiki.

Algeria, katanya, mahu pembabitan Malaysia dalam semua projek yang sedang dilaksanakan di negara berkenaan termasuk prasarana, pembinaan dan teknologi maklumat (IT).

Negara itu juga mahu pihak swasta Malaysia mengambil bahagian dalam projek yang diperlukan segera seperti perumahan dan loji bekalan air.

Malaysia pula mencadangkan kerajaan Algeria membenarkan pelabur dan pihak swasta Malaysia menubuhkan bank di negara ini untuk memudahkan urusan perniagaan dilaksanakan terutamanya dalam meningkatkan perdagangan secara langsung.

Syed Hamid berkata, Dr Mahathir meminta supaya tindakan susulan diambil kedua-dua pihak bagi melaksanakan kerjasama yang praktikal itu.

Kedua-dua pemimpin juga membincangkan pelbagai isu serantau dan antarabangsa selain keberkesanan pertubuhan yang diwakili oleh kedua-dua negara seperti Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC), Kumpulan 15 (G15) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Malaysia juga memberi jaminan akan menyokong pencalonan Algeria diterima sebagai anggota bukan tetap Suruhanjaya Keselamatan PBB. Malaysia juga berharap Algeria sedia menjadi tuan rumah persidangan G15 setelah Venezuela tidak dapat berbuat demikian.

Dr Mahathir dan Bouteflika kemudian menyertai rundingan delegasi kedua-dua negara. Delegasi Malaysia ialah Syed Hamid, Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Lim Keng Yaik, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Hamid Zainal Abidin, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kasim, Presiden dan Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Hassan

Merican dan Duta Malaysia di Algeria, Ramli Naam.

Dr Mahathir memulakan acara lawatannya pagi ini dengan meletakkan kalungan bunga di tugu negara Maqam Syahid, sebagai menghormati pahlawan Algeria yang terkorban dalam menuntut kemerdekaan dari Perancis.

Sementara itu, berucap pada majlis jamuan negara malam tadi, Dr Mahathir mengingatkan betapa perlunya negara Islam bersatu untuk mempertahankan imej Islam.

Katanya, persepsi Islam sebagai sebuah agama yang menggalakkan tindakan keganasan hendaklah diperbetulkan. Malaysia dan Algeria mempunyai pandangan yang sama dalam peperangan menentang keganasan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sedia berkongsi pengalaman memaju dan mengurus ekonomi dengan negara membangun dan berharap Malaysia dapat membantu Algeria mempelbagaikan ekonomi negara itu.